



HASiL

KENYATAAN MEDIA

SIARAN SEGERA

HASiL/2023/03/18 - 25

PEMOHON YANG PERLU MEMBUAT KEMAS KINI PERMOHONAN SUMBANGAN TUNAI RAHMAH (STR) 2023

1. Berasaskan Konsep Payung Rahmah, Kerajaan telah menjenamakan semula program Bantuan Tunai untuk golongan B40 di bawah Kementerian Kewangan Malaysia kepada Sumbangan Tunai Rahmah (STR). Kerajaan sentiasa prihatin dan mendengar pandangan rakyat dalam memastikan STR dinikmati oleh semua penerima yang layak dan tiada yang tertinggal.
2. Bagi memastikan data permohonan bantuan tunai Kerajaan kekal relevan untuk pelaksanaan tahun 2023, pemohon yang perlu membuat **kemas kini permohonan STR** adalah seperti berikut :
 - a) Tidak mengemaskini permohonan tiga (3) tahun berturut-turut sepanjang pelaksanaan BSH 2020, BPR 2021 dan BKM 2022.
 - b) Penerima STR Fasa 1 yang mempunyai perubahan maklumat terkini.

3. Sebagai panduan mengenai permohonan baharu dan kemas kini maklumat STR, pemohon boleh membuat rujukan kepada set Soalan Lazim (FAQ) STR 2023 dan yang telah dimuat naik pada portal rasmi STR di <https://bantuanunai.hasil.gov.my/>. Capaian pantas kepada dokumen berkenaan adalah seperti yang berikut:
- [https://bantuanunai.hasil.gov.my/Download/Faq/SOALAN_LAZIM_\(FAQ\)_PERMOHONAN_BAHARU_DAN_KEMASKINI_PERMOHONAN_STR.pdf](https://bantuanunai.hasil.gov.my/Download/Faq/SOALAN_LAZIM_(FAQ)_PERMOHONAN_BAHARU_DAN_KEMASKINI_PERMOHONAN_STR.pdf)
4. Sebarang pertanyaan serta maklum balas berkaitan boleh dimajukan kepada kami melalui:
- Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara);
 - HASiL Live Chat; dan
 - Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/public>.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH**Dikeluarkan Oleh:****Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)

Hasil Recovery Call Centre: 03-8751 1000

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my**Tarikh: 18 Mac 2023**